



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 09/2014

Rujukan : Bil.(39)dlm.MBI.B1/12/2/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

27 Mac 2014

Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan/Pejabat/Bahagian/Unit
Majlis Bandaraya Ipoh.

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

LANGKAH PENJIMATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2014)

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa, melalui Kertas Kerja Bil.404/02/14 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am Bil.285/01/14 pada 24 Mac 2014 yang lalu telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 (SPP Bil. 1 Tahun 2014 yang dikepilkhan di **Lampiran 1**) dalam semua perolehan Majlis.

3. Selaras dengan langkah perbelanjaan berhemat bagi mengurangkan perbelanjaan awam, melalui SPP Bil. 1 Tahun 2014, Kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan dan Peraturan baru dan telah disesuaikan dengan pemakaian di peringkat Majlis seperti berikut:

I. Had Nilai Baru Pembelian Terus dan Sebut Harga bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan

Had Nilai	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Sehingga RM20,000.00 setahun atau sesuati kontrak 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 setahun atau sesuati kontrak
Kaedah & Syarat Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan secara <u>Pembelian Terus</u> dengan mana-mana pembekal ❖ Perlu mendapatkan <u>sekurang-kurangnya 3 sebutharga</u> dari pembekal tempatan (Tempoh sebutharga boleh dibuat untuk 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan dan 12 bulan) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan secara <u>Sebut Harga</u> (berdasarkan SPP Bil. 5 Tahun 2009) dengan kelonggaran seperti: <ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelawaan sekurang-kurangnya dikalangan 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (Bumiputera atau Bukan Bumiputera) ❖ Tempoh Notis dipendekkan kepada 3 hari
Kuasa Melulus	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pegawai Pengawal atau Pegawai Yang Diturunkan Kuasa 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Jawatankuasa Sebutharga yang dilantik
Syarat - Syarat Perolehan Lain	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Harga tawaran yang paling menguntungkan hendaklah dipilih. ❖ Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada 1 syarikat sahaja dan syarikat lain berkelayakan hendaklah diberi peluang menyertai perolehan. ❖ Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, Majlis boleh menggunakan harga pembelian lampau sebagai perbandingan. ❖ Bagi bidang khusus yang memerlukan (lesen/permit atau keperluan lain yang disyaratkan mengikut undang-undang) Majlis perlu memastikan syarat tersebut dipatuhi oleh pembekal yang dipilih. 	

II. Had Nilai Perolehan Kerja-Kerja Requisition (yang menggunakan Jadual Kadar Harga dikurangkan daripada RM100,000.00 kepada RM50,000.00)

Had Nilai	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Sehingga RM50,000.00 sesuatu kerja 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Melebihi RM50,000.00 sesuatu kerja
Kaedah & Syarat Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan <u>secara undian atau pusingan</u> dengan menggunakan Jadual Kadar Harga dikalangan kontraktor bangunan/awam Gred G1 seperti berikut: ❖ Kontraktor bangunan/awam Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB ❖ Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan. 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan <u>secara sebut harga</u> (berdasarkan SPP Bil. 5 Tahun 2009) dan pelawaan di kalangan kontraktor bangunan/awam yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK dan SPKK dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

4. SPP Bil. 1/2014 juga menjelaskan dengan terperinci takrifan "Setiap Jenis Item" dan pengelasan setiap jenis item (**contoh-contoh item seperti Lampiran 1 kepada SPP Bil. 1 Tahun 2014**). Bagi perlaksanaan diperingkat Majlis, terdapat beberapa perkara tambahan yang perlu diberi pertimbangan dalam menentukan kaedah-kaedah perolehan yang sesuai terutamanya bagi item-item berikut:-

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
1.	Alat Ganti	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai alat ganti yang boleh diperolehi daripada pembekal (punca bekalan) yang sama adalah dikategorikan sebagai satu jenis item. 	<p><u>Pembaikan Kenderaan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Sekiranya terdapat kerosakan dan kos pembaikan tidak dapat dianggarkan (cth: kos hanya dapat ditentukan setelah enjin dibuka).

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
			<p>Kaedah Perolehan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Boleh dilaksanakan tanpa pelawaan sebutharga (digalakkan mempelawa sebutharga). <p>Pembekalan Alat Ganti</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Bagi Jabatan yang mempunyai stor alat ganti dan peruntukan untuk alat ganti > RM20,000.00 <p>Kaedah Perolehan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa. <p>Penyelenggaraan Kenderaan</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Bagi kenderaan yang terlibat dengan penyelenggaraan berkala yang memerlukan perkhidmatan penyelenggaraan dengan anggaran kos keseluruhan > RM20,000.00 setahun. <p>Kaedah Perolehan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Penyelenggaraan dilaksanakan mengikut Jadual dan Sebutharga tidak perlu dipelawa.
2.	Item Pelbagai Saiz	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Item Pelbagai Saiz ditafsirkan sebagai satu jenis item 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pembelian pelbagai saiz paku (1 inci atau 1 1/2 inci), mentol, lampu kalimantang, cermin dan lain-lain.
3.	Set sofa	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Merangkumi pelbagai jenis kerusi (1 seater atau 3 seater) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Jika pembelian set sofa berserta perabot lain cth Kerusi Banquet boleh dianggap item yang berbeza

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
			<p>tetapi jika boleh dibeli dari pembekal (punca bekalan) yang sama, ianya boleh ditafsirkan sebagai satu jenis item.</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
4.	Toner	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai Toner (keranaboleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan yang sama) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
5.	Alatulis	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pen, Pensel, Pembaris dan lain-lain (kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan yang sama) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
6.	Kertas	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai saiz dan warna kertas (kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan yang sama) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
7.	Peralatan ICT	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Komputer, printer, scanner, monitor, key board dan CPU 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
		(kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan yang sama)	telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
8.	Ubat	❖ Pelbagai ubat (kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan yang sama)	❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
9.	Bahan-bahan binaan	❖ Bahan binaan seperti simen, kayu, batu, cat dan lain-lain (kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan yang sama)	❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
10.	Barangan Elektrik	❖ Pelbagai Barang Elektrik (kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan) yang sama	❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
11.	Catuan Kering/Bahan Mentah	❖ Bahan mentah seperti rempah ratus, sayuran, ikan dan lain-lain (kerana boleh diperolehi dari pembekal (punca bekalan) yang sama)	❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00).
12.	Perkhidmatan Pengangkutan	❖ Setiap perkhidmatan bas/pengangkutan	❖ Bagi sesetengah kes perlu ditentukan berdasarkan 'case by

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
		untuk setiap Majlis/Program	case'.
13.	Percetakan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Percetakan yang boleh dirancang setiap tahun dianggap satu jenis item perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Buku Cetakan (kos >RM20,000.00): Perlu dilaksanakan secara sebutharga. ❖ Iklan di akbar boleh dibuat secara pembelian terus (syarikat akhbar yang terhad)
14.	Sewaan Mesin Fotostat	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Perkhidmatan penyewaan mesin fotostat 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Mesin fotostat dengan pelbagai keupayaan (heavy duty, medium duty, light duty) dan pelbagai fungsi (bewarna atau hitam putih)
15.	Aksesori Pakaian Seragam	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Perolehan kelengkapan dan aksesori pakaian seragam (kerana boleh diperolehi dari pembekal (puncak bekalan) yang sama) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Boleh dirancang berdasarkan bilangan pegawai/anggota yang memerlukan pakaian seragam. ❖ Kaedah perolehan ditentukan berdasarkan peruntukan keseluruhan Majlis (pembelian yang telah dirancang) bagi item ini (tertakluk kepada sebutharga sekiranya jumlah peruntukan melebihi RM20,000.00)
16.	Kursus	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Modul/Tajuk yang sama (boleh dirancang) ❖ Kursus yang dilaksanakan secara bersiri (boleh dirancang) ❖ Kursus yang mempunyai modul/tajuk yang berbeza untuk peserta 	<p><u>Kursus Secara Pakej</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Kos kursus yang dinyatakan secara pakej termasuk makan minum, penginapan, pengangkutan dan bayaran penceramah.

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
		<p>yang berbeza/sama (boleh dibuat perolehan berasingan)</p>	<p>Kaedah perolehan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Perlu rujuk SPP Bil. 4 Tahun 2012 (SPP Bil. 1 Tahun 2014 ini adalah tidak terpakai bagi Kursus Secara Pakej). <p><u>Kursus yang melebihi RM20,000.00 atau RM50,000.00</u></p> <p><u>Contoh 1:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Kursus Kepimpinan (sekali setahun) bernilai RM10,000.00 <p><u>Kaedah Perolehan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Pembelian Terus (dengan 3 tawaran harga) <p><u>Contoh 2:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Kursus Kepimpinan (4 kali setahun) bernilai RM40,000.00 (RM10,000.00 setiap kursus) <p><u>Kaedah Perolehan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan secara sebutuharga (peserta berbeza untuk setiap kali kursus) <p><u>Contoh 3:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Kursus bersiri (Modul 1, 2, 3, &4) bernilai RM15,000.00 setiap modul berjumlah RM60,000.00 setahun.

Bil.	Jenis Item	Contoh	Keterangan
			<p>Kaedah Perolehan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Dilaksanakan secara sebutharga (peserta sama dan perlu hadir setiap modul)

5. Dalam penentuan kaedah dan syarat perolehan, Ketua Jabatan/Bahagian/Unit adalah dikehendaki mengambil perhatian serius bagi perkara-perkara berikut:

- i. Merancang perolehan tahunan Jabatan/Bahagian/Unit dan memastikan perolehan tidak dipecahkecil untuk mengelakkan sebutharga/tender.
- ii. Memastikan semua perolehan yang dilaksanakan tidak tertumpu kepada syarikat/pembekal yang sama.
- iii. Memastikan sekurang-kurangnya 3 tawaran harga diperolehi bagi kaedah perolehan Pembelian Terus yang dilaksanakan (Pegawai Pelulus hendaklah menggunakan budi bicara secara berhemat bagi situasi 3 tawaran harga tidak dapat diperolehi dalam sesuatu perolehan pembelian terus yang disertakan dengan justifikasi lengkap).
- iv. Memastikan harga pembelian adalah munasabah dan menguntungkan.
- v. Memastikan sebutharga diperolehi daripada pembekal-pembekal yang 'bona fide' dan memastikan sebutharga lain tidak diperolehi dari pembekal yang sama.

6. Bagi tujuan pemantauan, laporan perolehan yang dilaksanakan melalui kaedah Pembelian Terus bagi satu jenis item yang sama dan rekod lengkap mengenai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan akan dikemukakan kepada Y.Bhg. Datuk Bandar (selaku Pegawai Pengawal) dan disalinkan ke Pejabat Audit Dalam pada setiap 3 bulan mulai dari tarikh kuatkuasa Arahan Kewangan ini.

7. Kerjasama, pertimbangan dan tindakan selanjutnya oleh pihak Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam memastikan perlaksanaan perolehan berdasarkan Garis Panduan yang ditetapkan dalam SPP Bil. 1 Tahun 2014 di Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing. Adalah diharapkan pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan mengambil perhatian serius terhadap perkara-perkara tersebut serta tindakan segera haruslah diutamakan supaya keberkesanan terhadap langkah penjimatan melalui perolehan yang telus dapat dicapai dengan berkesan.

8. Arahan Kewangan ini **berkuatkuasa pada 1 April 2014** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan dan Pekeliling Kewangan Majlis serta Arahan/Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

9. Dengan berkuatkuasanya Arahan Kewangan ini, Arahan Kewangan Bil. 02/2014 bertarikh 6 Februari 2014 dan Pekeliling Kewangan Bil. 2/2010 bertarikh 22 Mac 2010 adalah dipinda seperti di **Lampiran 2**.

Sekian dimaklumkan.

“KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI”



(DATO' HARUN BIN RAWI)
Datuk Bandar



“KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI”

S/K.KEW/PK/D/1100/000000/10/31 Jld. 36 (5)



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
 Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

LANGKAH PENJIMATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- I) HAD NILAI PEMBELIAN TERUS BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
- II) HAD NILAI KERJA-KERJA *REQUISITION*

TUJUAN

Surat Pekeling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (Agenzi) mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan semasa perolehan bekalan dan perkhidmatan menetapkan bagi pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Manakala bagi perolehan kerja yang bernilai tidak melebihi RM100,000 boleh dipelawa secara *requisition* dengan menggunakan Jadual Kadar Kejuruteraan Awam dan Bangunan (Jadual Kadar Harga). Selaras dengan langkah perbelanjaan berhemat bagi mengurangkan perbelanjaan awam, Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji semula peraturan tersebut.

TAKRIFAN

3. Bagi maksud pemakaian SPP ini:

- i. "Pembelian Terus" adalah ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak.

ii. "Setiap Jenis Item" adalah ditafsirkan sebagai sesuatu barang/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Contoh-contoh pengelasan setiap jenis item adalah seperti **Lampiran 1**.

iii. "Kerja Requisition" adalah ditafsirkan sebagai kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dengan menggunakan Jadual Kadar Harga.

HAD NILAI, KEDAHA DAN SYARAT PEROLEHAN BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

4. Perpendaharaan bersetuju had nilai baru pembelian terus dan sebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:

Bil.	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p>a. Dilaksanakan secara <u>pembelian terus</u> daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.</p> <p>b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.</p>	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
ii.	Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p>Dilaksanakan secara <u>sebut harga</u> mengikut tatacara sedia ada iaitu Surat Pekeliling Perpendaharaan, (SPP) Bil. 5 Tahun 2009 dengan kelonggaran seperti berikut:-</p> <p>a. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera;</p> <p>b. Tempoh notis dipendekkan kepada tiga (3) hari;</p> <p>c. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan. Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen sebut harga terus kepada urusetia melalui surat, faks</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) seperti di dalam peraturan sedia ada iaitu SPP Bil. 5 Tahun 2009; ATAU</p> <p>a. Pegawai Pengawal boleh menubuahkan JKSH baharu untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 yang dikenali sebagai JKSH 'B'; dan</p> <p>b. JKSH 'B' hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya</p>

Bil.	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
		<p>atau emel seperti ditetapkan oleh agensi; dan</p> <p>d. Penilaian sebut harga oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk pengurus yang dilantik oleh Ketua Jabatan.</p>	tiga (3) orang termasuk pengurus yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

SYARAT-SYARAT PEROLEHAN LAIN

5. Agensi hendaklah memastikan syarat-syarat seperti berikut dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan:-

- i. Harga tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan hendaklah dipilih;
- ii. Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada satu syarikat pembekal sahaja dan syarikat-syarikat lain yang berkelayakan hendaklah diberi peluang untuk menyertai perolehan tersebut;
- iii. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, agensi boleh menggunakan harga pembelian lampau sebagai perbandingan; dan
- iv. Bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit yang sah atau keperluan lain yang disyaratkan mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan, agensi hendaklah memastikan bahawa pembekal yang dipilih mematuhi syarat-syarat tersebut. Antaranya memiliki lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya.

HAD NILAI PEROLEHAN KERJA-KERJA REQUISITION

6. Kerajaan telah menetapkan had nilai kerja-kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Harga dikurangkan daripada RM100,000 kepada RM50,000 sahaja. Kerja-kerja *requisition* bernilai tidak melebihi RM50,000 hendaklah dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga di kalangan kontraktor bangunan/awam Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

7. Bagi kerja-kerja *requisition* yang melebihi RM50,000 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bangunan/awam yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL/UNIT AUDIT DALAM AGENSI

8. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, peranan Pegawai Pengawal adalah penting dalam memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sepenuhnya:-

- i. Merancang perolehan tahunan agensi dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak sebut harga atau tender;
- ii. Memastikan perolehan jenis item yang sama dalam setahun yang melebihi had nilai pembelian terus dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan;
- iii. Mengambil tindakan selaras dengan Arahan Perpendaharaan (AP) 59 sekiranya pegawai-pegawai yang menguruskan perolehan gagal mematuhi peraturan semasa yang ditetapkan; dan
- iv. Unit Audit Dalam agensi bertanggungjawab memantau pelaksanaan perolehan secara pembelian terus dan perolehan selanjutnya bagi jenis item yang sama agar agensi mematuhi peraturan ini dan tidak memecah kecil perolehan. Satu rekod lengkap mengenai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan hendaklah disimpan oleh agensi dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap tiga (3) bulan serta disalankan kepada Unit Audit Dalam agensi.

KUAT KUASA

9. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling lain yang berkaitan.

PINDAAN

10. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, AP 173.1, AP 179.1(c), AP 180.1(a), AP 180.1(c) dan AP 190 adalah dipinda seperti di **Lampiran 2**.


PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 12 Tahun 2007 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah)
Ketua Setiausaha Perpendaharaan
Kementerian Kewangan

18 Februari 2014

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Aktauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

Contoh-contoh Setiap Jenis Item

Bil.	Jenis Item	Keterangan/Contoh
1.	Alat ganti	Pelbagai alat ganti yang boleh diperoleh daripada pembekal (punca bekalan) yang sama adalah dikategorikan sebagai satu jenis item.
2.	Item pelbagai saiz	Item pelbagai saiz hendaklah ditafsirkan sebagai satu jenis item. Contoh: Pembelian pelbagai saiz paku (1 inci atau 1 ½ inci), mentol, lampu kalimantang, cermin dan lain-lain.
3.	Set sofa	Set sofa yang merangkumi pelbagai jenis kerusi (sama ada kerusi 1 tempat duduk atau 3 tempat duduk) bersama meja, ditafsirkan kepada satu jenis item. Jika pembelian perabot terdiri daripada kerusi banquet dan set sofa, maka kerusi banquet dan set sofa boleh dianggap item yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika kedua-duanya boleh dibeli daripada pembekal (punca bekalan) yang sama, ianya boleh ditafsirkan sebagai satu jenis item (perabot).
4.	Toner	Pembelian pelbagai toner ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperoleh daripada satu pembekal (punca bekalan) yang sama.
5.	Alatulis	Pembelian alatulis (pen, pensel, pembaris, gunting, stapler, pemadam, gam dan sebagainya) ditafsirkan sebagai satu jenis item.
6.	Kertas	Pelbagai saiz kertas (A4, A3) dan kertas pelbagai warna adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item.
7.	Peralatan ICT	Komputer, printer, scanner, monitor, key board dan CPU adalah satu jenis item.
8.	Ubat	Pelbagai ubat adalah satu jenis item.
9.	Bahan-bahan binaan	Bahan-bahan binaan seperti simen, kayu, papan, batu, cat, siling, paku adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item.
10.	Barangan elektrik	Pelbagai barangan elektrik seperti cerek, kipas angin, televisyen, radio, seterika, pengisar, peti sejuk adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperoleh daripada pembekal (kedai elektrik) yang sama.
11.	Catuan kering / Bahan mentah	Pembelian pelbagai jenis catuan kering/bahan mentah seperti rempah-ratus, asam jawa, garam, sayur-sayuran, ikan dan lain-lain adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperoleh daripada satu pembekal (pasar) yang sama.
12.	Perkhidmatan pengangkutan	Setiap perolehan perkhidmatan bas/pengangkutan untuk setiap majlis/program adalah berbeza kerana setiap majlis/program

Bil.	Jenis Item	Keterangan/Contoh
		mempunyai tujuan/peserta/masa yang berbeza. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah kes perlu ditentukan berdasarkan case by case.
13.	Percetakan	Setiap percetakan adalah berbeza kerana setiap risalah yang dicetak mempunyai isi kandungan yang berbeza. Walau bagaimanapun, bagi percetakan yang boleh dirancang setiap tahun, perolehan percetakan tersebut dianggap satu jenis item perkhidmatan.
14.	Sewaan mesin penyalin/fotostat	Perkhidmatan penyewaan mesin penyalin/fotostat pelbagai keupayaan (<i>heavy duty, medium duty, light duty</i>) dan pelbagai fungsi (berwarna/hitam putih) adalah satu jenis item perkhidmatan.
15.	Aksesori pakaian seragam	Perolehan kelengkapan/aksesori pakaian seragam adalah dikategorikan sebagai satu jenis item memandangkan fungsinya yang sama iaitu sebagai pakaian seragam. Selain itu, ia boleh dirancang setiap tahun berdasarkan bilangan pegawai.
16.	Kursus	<p>i. Bagi kursus yang mempunyai <u>modul/tajuk kursus sama</u> (boleh dirancang) dianggap satu jenis item dan kaedah perolehan hendaklah ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan perolehan setahun.</p> <p><u>Contoh:</u> Kursus Kewangan dilaksanakan 4 kali setahun untuk peserta berlainan.</p> <p>ii. Bagi kursus yang dilaksanakan secara <u>bersiri</u> (boleh dirancang) dianggap satu jenis item dan kaedah perolehan hendaklah ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan perolehan setahun.</p> <p><u>Contoh:</u> Kursus Excel (Tahap I, Tahap II, Tahap III dan Tahap IV) dilaksanakan 4 kali setahun untuk peserta berlainan/sama.</p> <p>iii. Bagi kursus yang mempunyai <u>modul/tajuk yang berbeza</u>, dianggap perolehan berasingan kerana isi kandungan kursus berlainan.</p> <p><u>Contoh:</u> Kursus Kepimpinan (bulan Jan) dan Kursus Pembangunan Sahsiah (bulan Mei) untuk peserta berlainan/sama.</p>

Maksud ‘setahun’ atau ‘sesuatu kontrak’ bererti perolehan sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak.

Contoh 1:

Perolehan kawalan keselamatan untuk setahun bernilai RM12,000 boleh dilaksanakan secara pembelian terus. Walau bagaimanapun sekiranya Jabatan merancang untuk mengadakan kontrak bagi tempoh dua (2) tahun di mana nilainya berjumlah RM24,000 (melebihi RM20,000), maka sebut harga hendaklah dipelawa.

Catatan:

Sekiranya terdapat sebarang kemasukan mengenai 'setiap jenis item' dan contoh-contoh di atas, agensi boleh menghubungi pegawai Seksyen Pembangunan Dasar, Bahagian Perolehan Kerajaan seperti berikut:

1. En. Shahrul Kamal Bin Osman
Tel: 03-8882 3283
2. Pn. Sakinah Binti Jamaluddin
Tel: 03-8882 4438
3. En. Ahmad Fauzi Bin Sungip
Tel: 03-8882 3232
4. En. Mohd Salman Bin Ibrahim
Tel: 03-88824313
5. En. Shah Iskandar bin Zulkarnain
Tel: 03-8882 3287
6. En. Sasitharan A/L S. Mariappan
Tel: 03-8882 3284

PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN YANG BERKAITAN

173. Pembelian

Pembelian Terus

- 173.1 (a) Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah sehingga RM20,000 setahun atau bagi sesuatu kontrak boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.
- (b) Bagi pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 setahun atau bagi sesuatu kontrak hendaklah dibuat secara Sebut Harga dengan mempelawa sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.

179. Jadual Kadar

- 179.1 (c) Pesanan kerja atau inden yang dikeluarkan mengikut Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan tidak boleh melebihi RM50,000. Ketua sesuatu Jabatan Kejuruteraan atau Bahagian Kejuruteraan boleh memberi kuasa secara bertulis kepada Jurutera, pegawai menjaga daerah atau pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menandatangani pesanan kerja atau inden. Jadual Kadar hendaklah disemak sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali khususnya untuk menentukan kesesuaian.

Kerja Requisition

- 180.1 (a) Kerja-kerja bernilai tidak melebihi RM50,000 boleh dipelawa secara requisition dengan menggunakan Jadual Kadar Harga. Kerja yang dipanggil secara requisition ialah kerja-kerja kecil dan pemberian yang tidak mengubah struktur asal.
- (b) [Dikekalkan].
- (c) Bagi kerja-kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara adil melalui undian atau pusingan di kalangan kontraktor bangunan/awam Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
- (d) Bagi kerja-kerja requisition bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan kontraktor bangunan/awam Gred

G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

190. Perolehan Perkhidmatan Bukan Perunding

- (a) Perolehan perkhidmatan sehingga RM20,000 setahun atau bagi sesuatu kontrak boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Kajian pasaran hendaklah dibuat sekurang-kurangnya daripada tiga (3) pembekal tempatan. Bagi perolehan perkhidmatan melebih RM20,000 sehingga RM50,000 setahun atau bagi sesuatu kontrak hendaklah dibuat secara Sebut Harga dengan mempelawa sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.

Lampiran 2 kepada Arahan Kewangan Bil. 09/2014

Pindaan Pekeliling dan Arahan Kewangan berkaitan bagi penyesuaian pematuhan kepada SPP Bil. 1 Tahun 2014:

Arahan/Pekeliling	Asal	Pindaan
Arahan Kewangan Bil. 02/2014 Keperluan Kajian Pasaran Dilaksanakan dan Penyediaan Anggaran Jabatan dalam Perolehan Majlis	Para 2: Sebagai pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan 169 <u>dan Surat Pekeliling</u> <u>Perbendaharaan Bil. 12</u> <u>Tahun 2007.....</u>	Para 2: Sebagai pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan 169 <u>dan Surat Pekeliling</u> <u>Perbendaharaan Bil. 1</u> <u>Tahun 2014.....</u>
Pekeliling Kewangan Bil 02/2010 Kuasa Meluluskan Perbelanjaan dan Had Nilai Perolehan	Para 5.1: Pembelian Terus daripada mana-mana pembekal tempatan yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan samana ada taraf Bumiputera atau bukan Bumiputera tetapi jumlah keseluruhan perbelanjaan <u>tidak melebihi RM50,000 setahun.</u>	Para 5.1 Pembelian Terus adalah ditafsirkan sebagai perolehan bekalan / perkhidmatan yang melibatkan <u>jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak.</u>
		Had Nilai, Kaedah & Syarat Perolehan serta Kuasa Melulus bagi perolehan secara 'Pembelian Terus' adalah merujuk kepada garis panduan yang ditetapkan dalam Arahan Kewangan Bil.09/2014.